

LAWATAN SAMBIL BELAJAR ANAK-ANAK YATIM PIATU KE 22 SKUADRON



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3233-lawatan-sambil-belajar-anak-anak-yatim-piatu-ke-22-skuadron

SUBANG, 26 Mac 18 – Satu program lawatan sambil belajar oleh anak-anak yatim piatu dengan kolaborasi We Love Charity (WLC) dan Jemaah Tertinggi BAKAT Udara telah berlangsung di No 22 Skuadron, PU Subang. Program lawatan ini diselia oleh Datin Sri Hajjah Normah binti Haji Mad Sap bagi pihak Pengurus Jemaah Tertinggi Bakat Udara, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Hjh Tengku Muhaini bte Sultan Hj Ahmad Shah manakala penyelaras program tersebut adalah Puan Marziana Abd Rashid selaku Presiden WLC.

Program lawatan ini terdiri daripada pelajar dan guru pengiring seramai 25 orang yang disambut oleh Pegawai Eksekutif Skuadron. Tujuan program ini dilaksanakan adalah bagi mendedahkan kepada para pelajar berkenaan skop kerja dan cara untuk menyertai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Angkatan Tentera Malaysia amnya (ATM). Program dimulakan dengan upacara menandatangan buku lawatan dan kemudiannya disusuli dengan taklimat kepada para hadirin. Acara kemudian diteruskan dengan lawatan ke pesawat A400M dan diakhiri dengan jamuan makan.

